CIMB Bank Berhad (197201001799)

## NOTIS PENTING:

## Penamatan Manfaat Pengangkutan Ke Lapangan Terbang bagi Kad Kredit CIMB Travel Platinum

8 Disember 2025

**Pelanggan Kad yang Dihargai,**

Berkuat kuasa 31 Disember 2025, manfaat Pengangkutan Ke Lapangan Terbang (Grab Ride bernilai RM65 ke/dari mana-mana lapangan terbang di Malaysia) bagi Kad Kredit CIMB Travel Platinum akan ditamatkan.

Harap maklum bahawa semua manfaat lain bagi kad anda tidak terjejas dan kekal seperti biasa.

Sekiranya anda memenuhi keperluan perbelanjaan RM3,000 bagi suku 4 (Oktober sehingga Disember) 2025, anda masih layak menerima 1x Grab Ride bernilai RM65, selaras dengan Terma dan Syarat Kad Kredit CIMB Travel yang sedang berkuat kuasa.

Terma dan Syarat Kad Kredit CIMB Travel akan dikemas kini berkuat kuasa 31 Disember 2025 untuk mencerminkan penamatan manfaat ini. Klik di sini untuk melihat Terma dan Syarat yang telah dikemas kini.

Untuk rujukan anda, butiran yang dikemas kini diringkaskan dalam jadual di bawah:

<table>
<tr><th>Klausa</th><th>Klausa Sedia Ada</th><th>Klausa Disemak Semula</th></tr>
<tr><td>-</td><td>Pengangkutan Ke Lapangan Terbang</td><td rowspan="3">Akan dimansuhkan</td></tr>
<tr><td>13</td><td>Manfaat Pengangkutan Ke Lapangan Terbang hanya terpakai kepada Pemegang Kad Utama CIMB Travel Platinum (“Pemegang Kad Layak”).</td></tr>
<tr><td>14</td><td>Pemegang Kad Utama berhak kepada manfaat Pengangkutan Ke Lapangan Terbang bagi Kod Promo GrabCar Ride setelah memenuhi Syarat Perbelanjaan* untuk Suku Kelayakan masing-masing seperti yang dinyatakan di bawah:
<table>
<tr><th>Syarat Perbelanjaan</th><th>Kod Promo GrabCar Ride</th><th>Suku Kelayakan</th></tr>
<tr><td>RM3,000 dan ke atas</td><td>• Satu (1) bernilai RM65 bagi setiap Suku Kelayakan masing-masing<br>• Dihadkan pada dua (2) setiap tahun kalendar</td><td>• Q1: 01 Januari hingga 31 Mac<br>• Q2: 01 April hingga 30 Jun<br>• Q3: 01 Julai hingga 30 September<br>• Q4: 01 Oktober hingga 31 Disember</td></tr>
</table>
</td></tr>
</table>

| | | |
|---|---|---|
| | * Sila lihat klausa 6 tentang cara menentukan sama ada Syarat Perbelanjaan dipenuhi.<br><br>*Sebagai Contoh: Pemegang Kad A mempunyai Kad Kredit CIMB Travel Platinum utama. Berdasarkan transaksi perbelanjaan runcit Pemegang Kad A pada Q1 dan Q3, Pemegang Kad A berhak kepada satu (1) Kod Promo GrabCar Ride masing-masing pada Q1 dan Q3. Pemegang Kad A tidak berhak kepada Kod Promo GrabCar Ride selanjutnya pada Q4 kerana ia dihadkan pada dua (2) setiap tahun kalendar.* | |

| *Suku Kelayakan* | *Q1'2023* | *Q2'2023* | *Q3'2023* | *Q4'2023* |
|---|---|---|---|---|
| *Syarat Perbelanjaan / RM* | *3,000* | *3,000* | *3,000* | *3,000* |
| *Transaksi perbelanjaan runcit / RM* | *3,500* | *2,500* | *4,000* | *5,000* |
| *Pemenuhan Syarat Perbelanjaan* | *Ya* | *Tidak* | *Ya* | *Ya* |
| *Jumlah Kod Promo GrabCar Ride* | *1* | *0* | *1* | *0* |

| | | |
|---|---|---|
| 15 | Pengangkutan Ke Lapangan Terbang merujuk kepada perkhidmatan pengangkutan yang disediakan oleh pemandu e-panggilan pihak ketiga melalui aplikasi mudah alih Grab berasaskan telefon pintar ("Grab App"), yang ditawarkan oleh Grabcar Sdn Bhd ("Grab"), sama ada mengambil atau menurun di lapangan terbang yang mengambil bahagian di Malaysia sahaja seperti yang disenaraikan di bawah. | |

| No | Lapangan Terbang Yang Mengambil Bahagian Di Malaysia | Kod |
|---|---|---|
| 1 | Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) | KUL |
| 2 | Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2) | KUL2 |
| 3 | Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (Lapangan Terbang Subang) | SZB |
| 4 | Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang | PEN |
| 5 | Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi | LGK |
| 6 | Lapangan Terbang Antarabangsa Senai | JHB |
| 7 | Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu | BKI |
| 8 | Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching | KCH |
| 9 | Lapangan Terbang Antarabangsa Miri | MYY |
| 10 | Lapangan Terbang Tawau | TWU |

| | | |
|---|---|---|
| 16 | Setelah memenuhi Syarat Perbelanjaan seperti yang dinyatakan di atas, SMS dan emel akan dihantar kepada Pemegang Kad Layak | |

| | | |
|---|---|---|
| | dalam masa tiga puluh (30) hari kalendar dan Pemegang Kad Layak perlu memberi respons kepada emel tersebut dalam tempoh yang dinyatakan untuk menebus Kod Promo GrabCar ("Kod Promo"). E-mel akan dihantar melalui Penyedia Perkhidmatan, Tri E Marketing Sdn. Bhd, dengan alamat e-mel cimbfulfilment@tri-e.com.my. Pemegang kad yang layak dinasihatkan untuk menyemak peti masuk 'spam'/'junk' untuk memastikan e-mel diterima. | |
| 17 | Kod Promo kemudiannya akan dikeluarkan kepada Pemegang Kad Layak dalam masa empat belas (14) hari kalendar selepas Pemegang Kad Layak memberi respons kepada emel tersebut. Kod Promo ini sah sehingga enam (6) bulan dari tarikh pengeluaran. | |
| 18 | Pemegang Kad Layak bertanggungjawab untuk memastikan bahawa mereka telah memberikan alamat emel dan nombor telefon bimbit terkini dan sah kepada Bank, dan Bank tidak akan bertanggungjawab dalam keadaan tidak menerima emel oleh Pemegang Kad Layak atas sebab-sebab apa pun. | |
| 19 | Pemegang Kad Layak mesti membuat tempahan Pengankutan Ke Lapangan Terbang dengan menggunakan Grab App dan pilih Kad Kredit CIMB Travel Platinum sebagai kaedah pembayaran dengan Kod Promo yang sah. Pemegang Kad Layak dianggap telah berjaya menebus Kod Promo sebaik sahaja mesej dalam app dan/atau SMS yang berkaitan diterima oleh Pemegang Kad Layak. Tempahan yang dibatalkan akan membatalkan Kod Promo dan tidak akan digantikan oleh Bank. | |
| 20 | Lebihan untuk Pengankutan Ke Lapangan Terbang, jika ada, akan dicaj kepada Kad Kredit CIMB Travel Platinum sekiranya tambang Pengankutan Ke Lapangan Terbang sebenar melebihi nilai Kod Promo seperti yang dinyatakan di atas. Tiada bayaran balik akan dilakukan kepada Pemegang Kad Layak jika tambang Pengankutan Ke Lapangan Terbang sebenar adalah lebih rendah daripada nilai Kod Promo. Sebarang nilai yang tamat tempoh, tidak digunakan atau baki dalam Kod Promo akan dilucuthakkan dan tidak akan ditukar dengan wang tunai dan/atau kredit dalam apa jua bentuk. | |
| 21 | Bagi mengelakkan keraguan, Pemegang Kad Layak dikehendaki memuat turun dan memasang Grab App menerusi Google Play Store (untuk telefon mudah alih Android) atau App Store (untuk telefon mudah alih iOS) dan mendaftar sebagai pelanggan Grab dan memilih Kad Kredit CIMB Travel Platinum sebagai kaedah pembayaran terpilih untuk menggunakan Kod Promo. Pemegang Kad dikehendaki memasukkan Kod Promo yang sah ke dalam Grab App sebelum meneruskan dengan pengesahan tempahan. Dengan memuat turun dan memasang Grab App, Pemegang Kad Layak bersetuju untuk terikat dengan terma-terma dan syarat-syarat Grab serta sebarang pindaan dan penambahan masa hadapan kepada terma-terma dan syarat-syarat seperti yang diterbitkan dari semasa ke semasa di http://www.grab.com atau melalui Grab App. | |

CIMB Bank Berhad (197201001799)

Kami berharap dapat memperkenalkan lebih banyak manfaat dan kempen menarik tidak lama lagi. Nantikan makluman kami yang seterusnya!

Terima kasih.

Pengurusan
CIMB Bank Berhad